



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR**

NAMA KURSUS : QAWAID FIQHIYYAH
KOD KURSUS : DPI2153
PEPERIKSAAN : MEI 2017
MASA : 2 JAM 30 MINIT

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian:
BAHAGIAN A (20 Markah)
BAHAGIAN B (60 Markah)
BAHAGIAN C (20 Markah)
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Kertas Jawapan Objektif
 - iii. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 10 HALAMAN BERCETAK

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **DUA PULUH (20)** soalan.

Jawab SEMUA di dalam Kertas

1. Manakah antara berikut persamaan antara Kaedah Fiqh dan Kaedah Usul?
 - A. Keputusan dan hukum yang berbentuk kebanyakan
 - B. Menjelaskan berkaitan dengan metodologi ahli fiqh
 - C. Berkaitan masalah dan perkara yang berbentuk juz'i dan terperinci
 - D. Penjelasan tentang hukum-hukum yang berkaitan dengan perbuatan mukallaf

2. Pernyataan berikut merupakan kepentingan ilmu Kaedah Fiqh, **kecuali**
 - A. Panduan dan asas untuk istinbat hukum
 - B. Jalan memahami hakikat fiqh dan rahsia-rahsiannya
 - C. Menjadi mulia dan tinggi kedudukan apabila menguasainya
 - D. Mampu menetapkan hukum sendiri bagi setiap masalah yang berlaku

3. Manakah antara berikut sumber perundangan Islam di zaman Rasullullah SAW:
 - i. Sunnah
 - ii. Al-Quran
 - iii. Ijtihad
 - iv. Ijmak
 - A. i dan ii
 - B. i dan iii
 - C. ii dan iv
 - D. i, ii dan iii

4. Siapakah sahabat Rasullullah SAW yang diutuskan ke negeri Yaman?
 - A. Umar al-Khattab
 - B. Ali bin Abi Talib
 - C. Muaz bin Jabal
 - D. Abu Bakar as-Siddiq

5. Pada zaman Tabi'in, aliran Hadis berkembang pesat dan berpengaruh di
- A. Syria
 - B. Kufah
 - C. Makkah
 - D. Madinah
6. Fiqh awal yang muncul pada zaman kelahiran ialah _____
- A. Fiqh Imam Malik
 - B. Fiqh Imam Syafi'i
 - C. Fiqh Imam Ahmad
 - D. Fiqh Imam Abu Hanifah
7. Pengkhususan dan pengkanunan fiqh berlaku pada kurun _____
- A. 12 Hijrah
 - B. 13 Hijrah
 - C. 14 Hijrah
 - D. 15 Hijrah
8. Hamizah bersumpah tidak mahu makan nasi tetapi di dalam hatinya menyebut Nasi Beriani Gam. Manakah antara berikut terbit daripada hukum furu' ini.
- A. Sumpah berdasarkan niat orang yang bersumpah
 - B. Sesuatu lafaz berdasarkan niat orang yang mengucapkannya
 - C. Melakukan apa yang tidak dimaksudkan, bererti berpaling daripada yang dimaksudkan
 - D. Niat berkaitan dengan sumpah dapat mengkhususkan lafaz umum, namun tidak mengumumkan lafaz khusus
9. Manakah antara kaedah berikut merupakan pecahan daripada kaedah "*al-Umur bi Maqasidiha*"?
- A. Asalnya seseorang bebas daripada tanggungjawab
 - B. Setiap yang berlaku diambil kira masa paling hampir
 - C. Segala akad yang mana maksudnya tidak membawa faedah terbatal
 - D. Asal sesuatu adalah harus, hinggalah ada dalil pengharamannya

10. *Iqbal* memerah anggur dengan niat untuk menjual kepada seorang pengusaha arak. Hukum *furu'* ini terbit daripada satu kaedah yang berikut iaitu:
- A. Adat dijadikan hakim
 - B. Bahaya mesti dihapuskan
 - C. Setiap perkara dinilai berdasarkan niat
 - D. Keyakinan tidak hilang dengan keraguan
11. Antara berikut merupakan kategori syak, **kecuali**
- A. Dapat dipastikan asal sumbernya
 - B. Lahir daripada sumber yang haram
 - C. Lahir daripada asal atau dasar yang harus
 - D. Tidak dapat dipastikan asal atau sumbernya
12. "الأصل بقاء ما كان على ما كان". Apakah maksud kaedah pecahan ini?
- A. Asalnya seseorang bebas daripada tanggungjawab
 - B. Asal kekal sesuatu itu mengikut apa yang ada sebelumnya
 - C. Apa yang ada semenjak dahulu, dibiarkan atas kedahuluannya
 - D. Asal itu apabila terdedah kepada dalil yang bertentangan dengannya, terbatal
13. Pak Zainal memenuhi syarat berkemampuan untuk menunaikan haji, namun dia syak samada selamat atau tidak di perjalanan. Hukum *furu'* ini merujuk kepada kaedah:
- A. Adat dijadikan hakim
 - B. Bahaya mesti dihapuskan
 - C. Setiap perkara dinilai berdasarkan niat
 - D. Keyakinan tidak hilang dengan keraguan

14. Disyariatkan kepada pasangan suami isteri yang tidak serasi untuk melakukan tebus talak dan perceraian. Hukum furu' ini merupakan kaedah:
- A. Bahaya mesti dihilangkan
 - B. Adat menjadi hakim
 - C. Keyakinan tidak hilang dengan keraguan
 - D. Setiap urusan mesti disertai dengan niat
15. Amira telah melakukan banyak pergerakan dalam solat tanpa alasan yang munasabah. Kenyataan di atas terbit daripada satu kaedah pecahan berikut iaitu:
- A. Apabila sesuatu itu sempit, hukumnya menjadi luas
 - B. Apabila sesuatu itu longgar atau luas, hukum menjadi sempit
 - C. Kemudaratan-kemudaratan itu membolehkan tegahan-tegahan
 - D. Apa yang diharuskan kerana uzur, batal dengan sebab hilang uzur tersebut
16. Manakah antara situasi berikut termasuk dalam kaedah "*Bahaya Mesti Dihapuskan*"?
- A. Seseorang itu wajib menjaga dirinya daripada penyakit dan berubat apabila berpenyakit
 - B. Seorang lelaki diharuskan untuk melihat bakal isteri ketika meminang
 - C. Memakan bangkai dan harta orang lain ketika dalam keadaan terdesak
 - D. Digugurkan kewajipan melaksanakan haji dan umrah disebabkan keuzuran
17. الضرر قديما يكون لا. Apakah maksud kaedah pecahan ini?
- A. Kemudaratan dibendung semungkin yang dapat
 - B. Kemudaratan tidak boleh dihilangkan dengan kemudaratan
 - C. Kemudaratan lebih berat dihilangkan dengan melaksanakan kemudaratan lebih ringan
 - D. Kemudaratan yang terjadi tidak boleh dianggap telah lama terjadinya

18. Manakah yang berikut termasuk dalam perbahasan kaedah "*Bahaya Mesti Dihapuskan*"?

- i. Perkara berkaitan muamalah
- ii. Perkara yang berkaitan dengan tegahan atau sekatan
- iii. Perkara yang berkaitan dengan jenayah
- iv. Perkara yang berkaitan dengan ibadah

- A. i dan ii
- B. i dan iii
- C. ii dan iv
- D. i, ii dan iii

19. Manakah antara berikut termasuk dalam kategori adat?

- i. Uruf Perkataan
- ii. Uruf Am
- iii. Uruf Perbuatan
- iv. Uruf Khas

- A. i dan ii
- B. i dan iii
- C. ii dan iv
- D. i, ii dan iii

20. Azmir telah melanggan majalah melalui kaedah penghantaran ke rumah, sekiranya majalah tersebut tidak dihantar dia berhak untuk membuat tuntutan. Hukum furu' ini merujuk kepada kaedah:

- A. Bahaya mesti dihilangkan
- B. Adat menjadi hakim
- C. Keyakinan tidak hilang dengan keraguan
- D. Setiap urusan mesti disertai dengan niat

[20 MARKAH]

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **TUJUH(7)** soalan.

Jawab **ENAM(6)** soalan sahaja di dalam Buku Jawapan.

Soalan 1

- a) Nyatakan **DUA(2)** perbezaan antara Kaedah Fiqh dan Kaedah Usul
(4 markah)

- b) Huraikan **DUA(2)** prinsip umum dalam pembentukan perundangan
(4 markah)

- c) Sebutkan **DUA(2)** kaedah pembentukan aliran fiqh pada zaman Tabi' al-Tabi'in
(2 markah)

Soalan 2

- a) Nyatakan **DUA(2)** peranan mujtahid dan ulama dalam pembentukan Kaedah Fiqh
(4 markah)

- b) Nyatakan **DUA (2)** tokoh ilmu Kaedah Fiqh pada zaman mutakhir berserta sumbangannya?
(4 markah)

- c) Sebutkan **DUA (2)** kaedah asas yang disebut dalam kitab "*Asybah wa Nazair*"
(2 markah)

Soalan 3

- a) Apakah maksud kaedah '*al-Umur bi Maqasidiha*'?
(2 markah)

- b) Nyatakan **DUA(2)** dalil daripada al-Quran dan al-Sunnah yang menjadi sumber rujukan kaedah di atas.
(4 markah)

SULIT

- c) Jelaskan **DUA(2)** kaedah pecahan yang terbit daripada kaedah ini berserta contoh (4 markah)

Soalan 4

- a) Apakah maksud kaedah '*al-Yakni la Yuzal Bisyak*' (2 markah)
- b) Bincangkan **DUA(2)** hukum furu' daripada kaedah ini berserta contoh. (4 markah)
- c) Nyatakan **DUA(2)** kaedah pecahan yang terbit daripada kaedah ini berserta contoh (4 markah)

Soalan 5

- a) Apakah maksud kaedah "Kesukaran Membawa Kemudahan" (2 markah)
- b) Bincangkan **DUA(2)** sebab rukhsah beserta contoh. (4 markah)
- d) Nyatakan hukum bagi permasalahan yang berikut;
- i. Makan makanan yang telah disahkan oleh JAKIM mengandungi DNA khinzir
 - ii. Menggadaikan emas dengan syarikat ar-Rahn untuk mendapatkan pinjaman dengan dikenakan upah simpan sebanyak 0.75 sen bagi setiap RM100 yang dipinjam dengan tempoh pinjaman selama 6 bulan (4 markah)

SULIT

Soalan 6

- a) Berikan **DUA(2)** skop kaedah yang termasuk di bawah kaedah "Bahaya Mesti Dihapuskan" berserta contoh
(4 markah)
- b) Jelaskan **EMPAT(4)** hukum furu' yang terbit daripada kaedah ini
(4 markah)
- c) Nyatakan hukum bagi permasalahan yang berikut;
- i. Rahimah telah menggugurkan kandungannya kerana janinnya berada di luar rahim
 - ii. Ismail menyedut air ke dalam hidung ketika dia sedang berpuasa
(2 markah)

Soalan 7

- a) Jelaskan maksud kaedah '*al-Adah Muhakkamah*'
(2 markah)
- b) Huraikan **DUA(2)** klasifikasi adat beserta contoh
(4 markah)
- c) Jelaskan **DUA (2)** perbezaan antara adat dengan uruf
(4 markah)

[60 MARKAH]

SULIT

BAHAGIAN C

Bahagian ini mengandungi **DUA(2)** soalan.

Jawab **SATU(1)** soalan sahaja di dalam Buku Jawapan.

Soalan 1

Jelaskan **EMPAT(4)** cara bagaimanakah ilmu kaedah fiqh menyokong ilmu fiqh dan usul fiqh untuk membantu seorang faqih memberikan jawapan kepada sesuatu isu moden berkaitan perbankan dan kewangan

(20 markah)

Soalan 2

Perbahasan mengenai Ilmu kaedah fiqh telah mengalami beberapa peringkat perkembangan. Huraikan dengan terperinci sejarah perkembangan peringkat ketiga.

(20 markah)

[20 MARKAH]

KERTAS SOALAN TAMAT

